# Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

Editor
DILAH TUAH

Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

© UNIMAS Publisher, 2024

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh

UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh

Firdaus Press (Sarawak) Sdn. Bhd.,
Lot 488, 1st Floor, Section 10, Ktld, Rubber Road,
93400 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0054-60-5

# Isi Kandungan

**Penghargaan** ix

**Pendahuluan** xi

**Bab 1**
**Bahasa Melayu di Malaysia** 1
*Dilah Tuah*

**Bab 2**
**Kesantunan Berbahasa dan Kemahiran Perhubungan Interpersonal** 19
*Norlina Kiflie*

**Bab 3**
**Kesalahan-Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Melayu** 43
*Zeckqualine Melai*

**Bab 4**
**Laras Bahasa** 65
*Mary Fatimah Subet*

**Bab 5**
**Variasi Bahasa** 91
*Remmy Gedat*

**Bab 6**
**Surat Rasmi, Memorandum, E-Mel dan Resume** 107
*Wan Robiah Meor Osman*

**Bab 7**
**Teknik Penulisan dan Gaya Ucapan** 135
*Isabella Jali*

**Bab 8**
**Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat** 163
*Hamidah Abdul Wahab*

**Bab 9**
**Teknik dan Gaya Penulisan Ilmiah** 185
*Nur'Ain Nasir*

**Bab 10 Laras Laporan**
*Salbia Hassan* 225

**Rujukan** 237
**Latar Belakang Editor** 241
**Indeks** 243

# Pendahuluan

**Bismillahirrahmannirrahim**

Alhamdulillah, syukur dan puji kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT) kerana dengan kurnia dan izin-Nya maka buku Bahasa Melayu ini dapat diterbitkan. Buku ini mengandungi 10 bab yang ditulis oleh sepuluh orang penulis dari Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Usaha ini bertitik tolak daripada kesungguhan para pengajar Kursus Bahasa Melayu UNIMAS, yang beriltizam mahu menerbitkan bahan-bahan pengajaran ke dalam bentuk buku bagi rujukan para pelajar dan orang awam. Buku ini dihasilkan selari dengan perubahan taraf, kandungan dan rangka kursus bahasa Melayu yang ditawarkan sebagai kursus Mata Pelajaran wajib (MPU) di UNIMAS. Selain itu, buku ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar sekolah menengah dan orang awam yang mahu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

Bab Satu buku ini ditulis oleh Dilah Tuah, yang membicarakan asal usul bangsa dan bahasa Melayu di Malaysia. Perkembangan bahasa Melayu dari awal sehingga menjadi bahasa *lingua franca* dan bahasa kebangsaan telah dikupas dengan panjang lebar. Begitu juga dengan persoalan yang sering kali menjadi tanda tanya kepada pengguna bahasa iaitu antara bahasa Melayu atau bahasa Malaysia turut disentuh dalam bab ini. Selain itu, bab ini turut membincangkan dasar dan kedudukan bahasa Melayu di Malaysia sejak awal merdeka sehingga kini. Pasang surut bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini turut diulas berpandukan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Pendidikan. Turut dibincangkan peranan penting bahasa Melayu dalam

pembentukan negara bangsa Malaysia, yang selama ini bertindak sebagai medium penyatuan dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Bab Dua buku ini ditulis oleh Norlina Kiflie yang menyentuh topik kesantunan berbahasa dan kemahiran perhubungan interpersonal. Kesantunan berbahasa merupakan satu kaedah untuk mengenali imej atau peribadi seseorang melalui cara berkomunikasi serta tingkah laku seseorang. Sehubungan itu, bab ini akan menghuraikan takrifan dan peraturan asas kesantunan berbahasa yang perlu dikuasai oleh pengguna bahasa. Selain itu, turut diperincikan tiga peraturan berbahasa, kesantunan berbahasa dalam konteks bukan verbal (bahasa badan) dan kemahiran perhubungan interpersonal. Turut dibincangkan konsep kesantunan berbahasa dalam dokumen dan media massa rasmi, tabu serta larangan dalam komunikasi, kata sapaan dan kesantunan berbahasa dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Selain penerangan, bab ini turut dilengkapi dengan contoh bagi memudahkan pemahaman pembaca.

Bab Tiga membincangkan kesalahan-kesalahan umum penggunaan bahasa Melayu di Malaysia yang ditulis oleh Zeckqualine Melai. Sejak merdeka, bahasa Melayu telah berkembang dengan pesat di Malaysia. Pun begitu, masih ramai penutur dan pengguna bahasa Melayu menghadapi kesulitan dan kekeliruan dalam penggunaan bahasa Melayu yang betul. Sehubungan itu, bab ini akan menghuraikan aspek tatabahasa yang sering kali mengelirukan para pengguna bahasa Melayu di negara ini. Terdapat sepuluh kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh pengguna bahasa iaitu kesalahan penggunaan kata sendi nama, hukum D-M, kata majmuk, kata pemeri, kata tanya, penggunaan tanda sempang, penggunaan 'ianya', penggunaan kata hubung, pengejaan kata apabila menerima imbuhan dan amalan kelewahan. Kesemua kesalahan ini dihuraikan dengan jelas berserta contoh bagi memudahkan kefahaman pembaca.

Bab Empat membincangkan topik laras bahasa yang ditulis oleh Mary Fatimah Subet. Konsep laras atau "register" menjadi satu fenomena bahasa yang penting pada masa kini. Oleh itu, tidak hairanlah penulisan tentang laras dan kepentingannya sering kali mendapat tempat dalam kalangan pengkaji, penulis dan pembaca. Selain itu, laras juga termasuk dalam bidang sosiolinguistik yang mengkaji variasi bahasa yang wujud dalam konteks atau situasi sosial, seperti perbincangan tentang ilmu sains, agama, ekonomi, geografi, dan sebagainya. Ternyata penelitian tentang laras bahasa amat luas sekali. Walau bagaimanapun dalam topik ini, perbincangan hanya memfokuskan aspek ragam bahasa khususnya, slanga dan morfologi daripada ragam bahasa Melayu lisan yang melibatkan perbezaan jantina, umur, taraf pendidikan, etnik dan pekerjaan dalam menyebut sesuatu perkataan. Di samping itu, bab ini turut membincangkan kepentingan laras bahasa serta jenis-jenis dan ciri-ciri laras bahasa Melayu yang kerap digunakan dalam situasi lisan mahupun tulisan. Selain itu, di penghujung topik ini turut dijelaskan gaya bahasa lisan dan gaya bahasa tulisan yang dapat dijadikan panduan dan rujukan.

Bab Lima buku ini membincangkan topik variasi bahasa yang ditulis oleh Remmy Gedat. Variasi bahasa terbahagi kepada dua jenis iaitu dialek geografi dan dialek sosial. Dalam dialek geografi, bab ini akan menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dialek-dialek geografi yang terdapat di Malaysia. Antaranya, dialek Melayu Johor, Dialek Melayu Sarawak, Dialek Melayu Kelantan dan sebagainya. Ciri-ciri fonem dan vokal semua dialek geografi yang ada ini akan dihuraikan secara ringkas. Bagi dialek sosial pula, terbahagi kepada dua faktor iaitu faktor pengguna dan penggunaan. Turut dibincangkan latar belakang status sosial dan jantina Selain itu, bab ini turut menjelaskan bentuk bahasa pijin, bahasa kreol, gaya bahasa Melayu klasik, gaya ilmiah, diglosia, ragam bahasa, dan slanga.

Bab Enam merupakan hasil tulisan Wan Robiah Meor Osman yang membincangkan bentuk penulisan surat rasmi, memorandum, e-mel dan resume yang berkualiti mengikut tatacara yang betul, tepat dan seragam. Pada awal bab, penulis menerangkan penulisan surat rasmi, jenis-jenis surat rasmi dan ciri-ciri surat rasmi yang berkualiti. Kemudian diikuti dengan panduan penulisan memorandum yang merupakan suatu bentuk atau gaya penulisan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat antara bahagian atau unit dalam sesebuah organisasi atau jabatan. Turut diterangkan bentuk penulisan mel elektronik iaitu e-mel yang merupakan suatu bentuk atau gaya penulisan terkini yang digunakan untuk menghantar, menyimpan, menerima dan menyampaikan maklumat melalui sistem komunikasi berbentuk elektronik. Perbincangan turut memuatkan gaya bahasa dalam urusan rasmi yang amat berguna kepada pembaca dan pengguna bahasa. Pada bahagian akhir bab ini, penulis turut membincangkan bentuk penulisan resume yang dapat dijadikan panduan kepada para graduan mahupun mereka yang ingin meningkatkan kerjaya sedia ada.

Bab Tujuh dalam buku ini bertajuk teknik penulisan dan gaya ucapan tulisan oleh Isabella Jali. Topik ini amat menarik kerana membincangkan teknik pengucapan awam yang merupakan satu proses komunikasi antara seorang pengucap dan pendengar atau audiens. Pengucapan awam melibatkan penghantaran mesej dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Selain itu, pengucapan awam bukan sahaja menyampaikan mesej daripada maksud percakapan tetapi juga melalui bahasa badan, penampilan dan tingkah laku serta etika. Selain menjelaskan definisi pengucapan awam, penulis turut menghuraikan jenis-jenis ucapan, teori serta teknik ucapan yang berkesan dan berpengaruh. Di samping itu, aspek-aspek bukan lisan dalam ucapan turut dijelaskan seperti gerakan badan, penampilan diri, sifat suara, penggunaan ruang, penggunaan masa, hubungan mata, dan mimik muka. Penulis turut membincangkan aspek protokol dalam konteks Malaysia yang dapat dijelaskan sebagai peraturan sama ada secara tersurat atau tersirat mengenai tatacara amalan yang perlu diamalkan dalam memenuhi agenda kehidupan bermasyarakat.

Bab Lapan merupakan hasil tulisan Hamidah Abdul Wahab yang membincangkan topik pengendalian mesyuarat dan penulisan minit mesyuarat. Dalam kehidupan seharian khususnya bagi mereka yang berkerjaya, mesyuarat merupakan aktiviti rutin dalam sesebuah organisasi, baik organisasi perniagaan, mahupun bukan perniagaan. Mesyuarat yang berkesan dapat mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Sehubungan itu, bab ini penting dalam membantu pembaca dan pengguna bahasa memahami etika dalam pengendalian mesyuarat serta gaya penulisan minit mesyuarat. Bab ini dilengkapi dengan panduan penulisan minit mesyuarat, jenis-jenis minit mesyuarat dan penggunaan bahasa dalam minit mesyuarat.

Bab Sembilan membincangkan teknik dan gaya penulisan ilmiah oleh Nur'Ain Nasir. Laras ilmiah merupakan ragam bahasa yang digunakan untuk menghuraikan bidang ilmu. Pemilihan kosa kata dan struktur ayat dalam laras ilmiah amat berbeza jika dibandingkan dengan bahasa harian. Hal ini demikian kerana laras ilmiah ialah laras wacana formal yang mengandungi sifat-sifat objektif. Laras ilmiah sangat berkait rapat dengan laras saintifik kerana ilmu itu sendiri adalah sesuatu yang saintifik dan perlu diungkapkan dengan bahasa atau istilah yang khusus serta mempunyai aturan dan kaedah yang tersendiri. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah ciri-ciri laras bahasa ilmiah, pengungkapan idea dalam laras ilmiah, dan kaedah mengeja istilah pinjaman.

Bab Sepuluh tulisan Salbia Haji Hassan bertajuk laras laporan. Laporan bermaksud suatu penulisan bertujuan untuk merekod, melapor dan mencadangkan sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku. Bahasa yang digunakan dalam laporan tidak banyak berbeza daripada bahasa ilmiah yang lain dan laporan tidak mempunyai ungkapan yang khusus seperti minit mesyuarat atau memorandum. Dalam bab ini, penulis menerangkan tujuan utama penulisan laporan dan jenis-jenis laporan yang biasa dihasilkan mengikut kesesuaian bidang, tujuan, gaya dan khalayak. Turut dihuraikan ciri-ciri dan laras bahasa laporan yang perlu difahami oleh pembaca dan pengguna bahasa. Dalam penulisan laporan, ayat yang digunakan haruslah formal, tepat, jelas dan teratur. Bahasa formal yang dimaksudkan ialah penggunaan bahasa baku yang sesuai dengan kaedah penulisan bahasa baku yang terdapat dalam penulisan rasmi.

Kesemua sepuluh bab yang disajikan dalam buku ini diharap dapat memberi manfaat kepada para pengguna bahasa serta menjadi sumber rujukan kepada pelajar, guru, kakitangan awam, peminat dan pengkaji bahasa.

**Dilah Tuah**
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak.

# 8

# Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat

*Hamidah Abdul Wahab*

## Pengenalan

Mesyuarat merupakan aktiviti rutin dalam sesebuah organisasi, baik organisasi perniagaan, mahupun bukan perniagaan. Mesyuarat yang berkesan dapat mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Dalam aktiviti mesyuarat, segala bentuk pertukaran maklumat berlaku (Samsudin, 2008). Mesyuarat melibatkan penglibatan dan maklum balas daripada ahli organisasi dalam perbincangan berdasarkan agenda yang telah ditetapkan. Tujuan utama mesyuarat adalah untuk mencari alternatif atau mencapai persetujuan bersama oleh semua ahli yang hadir terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan.

## A. Jenis-jenis Mesyuarat

Terdapat pelbagai jenis mesyuarat yang lazim diadakan, antaranya termasuklah:

### 1. Mesyuarat Jawatankuasa

Mesyuarat jawatankuasa kebiasaannya diadakan oleh sesebuah persatuan, kelab atau organisasi yang dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang dilantik melalui mesyuarat agung. Lazimnya, jawatankuasa ini juga dikenali sebagai jawatankuasa kerja atau induk dan di bawah jawatankuasa ini wujud jawatankuasa kecil yang menjalankan tugas-tugas khas, yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

# Rujukan


Ab Razak Ab Karim. 2014. *Bahasa Melayu Bahasa ASEAN: Realiti atau Mimpi*. Kertas Prosiding Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN II, 15-16 Oktober 2014, Hotel CS Patani. Universiti Fatoni dan UPSI.

Ab Samad Kechot, et al. 2012. *Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space. 8:8, hlm. 35-46._

Ab. Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt. 2002. *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Abd Razak, M. R. 2009. *Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan*. JEBAT, 3:1, hlm. 90-106.

Abd. Rashid bin Omar. 2003. *Panduan Menulis Surat*. Dicapai daripada http://ppdkerian.edu.my/surat/PANDUAN_PENULISAN_SURAT_RASMI.htm [26 Julai 2016].

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2003. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 1994. *Panduan Pengucapan Awam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2000. *Panduan Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Nasir,. et. al. 2009. *Komunikasi dalam Keperawatan*. Jakarta: Salemba Medika.

Abdullah Hassan. 1997. *Motivasi Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan. 2005. *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh Siri Kepimpinan*. Pulau Pinang: PTS Professional Publishing.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2005. *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Adi Yasran Abdul Aziz. 2015. *Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula*. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 16, 200-217.

Agus M. Hardjana. 2003. *Komunikasi Intrapersonal & Komunikasi Interpersonal*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

Akma Omar. 2013. *Teknik Pengucapan Awam Yang Berkesan*. Dicapai daripada http://www.akmaomar.com/teknik-pengucapan-awam-yang-berkesan/ [06 Oktober 2013].

Akmajian, A., Demers, R. A. Farmer, A. K. & Harnish, R. M. (1995). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. (terj.). Aishah Mahdi & Azizah Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amat Juhari Moain. 1985. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anon. 2016. *Modul Asas Tatabahasa dan Asas Penulisan Dokumen Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arshad Md. Ghaus. 2007. *Teknik Pengucapan dan Penyampaian yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Asmah Haji Omar. 1985. *Penggunaan Bahasa dalam Surat Rasmi: Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1997. *Bahasa Laporan*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2000. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2006. *Panduan Wacana Akademik: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2007. *Teori Linguistik dan Aplikasinya dalam Memartabatkan Kajian Dialek Melayu*. Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 27 Disember 2007.

Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Asmah Haji Omar. 2015. *Teori Asas Nahu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aswiza Awang. *Tabu dalam Bahasa: Sebab Kewujudannya*. Dicapai daripada https://aswiza. wordpress.com/kajian-bahasa/ [9 Mac 2017].

Awang Sariyan. 1996. *Warna dan Suasana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 2006. *Memartabatkan Bahasa Melayu*. Dicapai daripada http://ww1.utusan. com. my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm Utusan Malaysia. [5 Mac 2006].

Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 2010. *Pemartabatan Bahasa Kebangsaandalam Pembinaan Negara Bangsa*. Syarahan Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan,Kuala Lipis, Pahang pada 25 Februari 2010. Dimuat turun dari https://www. academia.edu/16504276/PEMARTABATAN_BAHASA_KEBANGSAAN_DALAM_PEMBINAAN_NEGARA_BANGSA_Prof._Dr_Awang_Sariyan

Awang Sariyan. 2014. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu (Edisi Kedua)*. Selangor: PTS Akademia.

Awang Sariyan. 2016. *Perancangan Taraf Bahasa Melayu*. Dicapai daripada http://klikweb.dbp. my/wordpress/?p=491

Aziz Salleh. 2005. *Teknik Berkomunikasi dan Berinteraksi Yang Efektif*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

*Bahasa Melayu Profesional*. 2003. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris: Nohaz Cetak Sdn. Bhd.

Bellwood, P. 2004. *The Origins and Dispersals of Agricultural Communities in Southeast Asia*. in P. Bellwood, I. Glover (eds) Southeast Asia: From Prehistory to History, pp.21-40. London. Routledge.

*Canadians on Citizenship The first national survey on what it means to be a citizen in Canada*. 2012. *Environics Institute, in partnership with the Institute for Canadian Citizenship, Maytree Foundation, CBC News and RBC*. Dicapai daripada https://www.icc-icc.ca/en/insights/docs/Canadians%20on%20Citizenship%20-%20Final%20Report%20-%20Mar%201.pdf [9 Mac 2017]

Chaer, Abdul dan Leonie Agustina. 1995. *Sosiolinguistik, Perkenalan Awal.* Jakarta: PT Rinerka Cipta.

Chew, F. P. 2008. *Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara* (3rd ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (Kementerian Perpaduan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia).

*Cognitive Hypnotherapy London and Personal Coaching in Ealing, West London.* Dicapai daripada http://www.youniquetherapy.com [9 Mac 2017].

Cohen, David. 1992. *Bahasa Tubuh dalam Pergaulan.* London: Sheldon Press.

Contoh Laporan Penilaian Prestasi. Dicapai daripada http://maszmadi.blogspot.my/. [9 Mac 2017].

Contoh Resume dan Tips Temuduga. Dicapai daripada http://www.resumecontoh.my/ 2014/06/ resume-panduan-menulis-resume-yang-baik.html [26 April 2016].

Contoh Resume Lengkap dan Terbaik. Dicapai daripada http://www.peoplesoftresume.com [26 April 2016].

Dhesegaan Bala Krishnan. 2017. *Trilogi Jepun: Antara Cinta, Magis dan Budaya.* Dewan Siswa. Januari, 2017.

Diana Jumadi, Nur Hidayah Rashidi, Norzalina Noor, Norsaliza Mohd. Shuhaini & Muhammad Fawiz Bakri. 2013. *Wacana Akademik Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dilah Bin Tuah 2015. *Mengangkat Martabat Nilai Ekonomi Bahasa Melayu Di Sarawak.* Dewan Bahasa, *April 2015. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Dix, A., Finlay, J., Abowd, G. D., and Beale, R., (1992). *Human Computer Interaction.* 2nd ed., Prentice Hall, ISBN 0-13-239864-8.

Eddy Rosyadie. 2007. *Juara Pentas! Panduan Praktikal Pengucapan Awam.* Kuala Lumpur: PTS Millennia.

*Empat Hal dalam Menulis Laporan.* Dicapai daripada http://so-aja.blogspot.my/2013/06/4-hal-dalam-menulis-laporan.html [14 Jun 2016].

*Enam Lokasi Satu Komuniti Satu JPJ.* Dicapai daripada http://www.utusan.com.my [28 April 2017].

*Eksport Malaysia Jatuh Negatif 2.8 Peratus. Jauh Dari Jangkaan. Punca?* Berita Semasa. Dicapai daripada http://www.beritasemasa.com.my/eksport malaysia-import [8 Mac 2015].

Farhan Haziq. 2016. *Kata Ganda Penuh Bahasa Melayu berdasarkan Data Korpus.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ferguson, C. 1963. *Introduction to National Languages and Diglossia* dalam laporan Thirteenth.

Fia Delfia. 2013. *Yaya's WORLD: Berbagai Laras Bahasa dan Contohnya!*. Dicapai daripada http://fiaadventy.blogspot.my/2014/10/berbagai-laras-bahasa-dan-contohnya.html [3 Oktober 2013].

*Fine Art America*. Dicapai daripada https://fineartamerica.com [9 Mac 2017].

Fishman, J. 1967. *Bilingualism with and without diglossia; diglossia with and without*. Journal of Social Issues. Vol XXIII, Number 2.

François Valentijn. 1858. *François Valentijn's oud en nieuw Oost-Indien,* Volume 3. H. C. Susan.

Gambar 'Mesyuarat Tergempar Majlis Keselamatan Negara (MKN)'. Dicapai daripada http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-najib-mempengerusikan-mesyuarat tergempar-dengan-mkn-134710 [26 April 2017].

Ghulam Jie M Khan. 1997. *Buku Rekod Malaysia Edisi Khas 1*. Negeri Sembilan: Ainna's Publication.

Goay Teck Chong, Choo Say Tee, & Zainuddin Ahmad. 2011. *Longman Teks Pra-U STPM Bahasa Malaysia Kertas 1* (1st ed.). Selangor Darul Ehsan: Pearson Malaysia Sdn Bhd.

Goleman, Daniel. 1997. *Emotional Intelligence*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

H. Johannes. 1979. *Gaya Bahasa Keilmuan*. Yogjakarta: Universiti Gadjah Mada.

Halliday, M. A. K. 1985. *Register Variation" dalam Halliday dan Hassan: Language, context and text: Aspect of Language in a social-semiotic perspective*. Victoria: Deakin Universiti Press.

Halliday, M.A.K. 1968a. *The Users and Uses of Language,* dalam Fishman, J.A *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton.

Halliday, M. A. K. 1968b. *Notes on Transitivity and Theme in English Part III. Journal of Lingusistic,* 4(2), 179–215.

Halliday, M.A.K. 1973. *The Functional Basis of Language*. Basil Bernstein, (ed.) *Class, Codes and Control Vol. 2: Applied Studies towards a Sociology of Language*. London/ Boston: Routledge & Kegan Paul. pps.ix-xvi, 343-366.

Hassan Ahmad. 2007. *Sikap dan Pendidikan Bahasa Melayu*. Dicapai daripada http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klikdbp3ogos7.pdf Berita Harian [15 Ogos 2007].

Hisham Musa, et. al. 2013. Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Kemanusiaan*, Vol 20, 1-22.

Idris Aman. 2008. *Kata Pemeri ialah dan adalah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis. 2014. *Variasi Bahasa.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Illias Zaidi. 2011. *Pasang Surut Bahasa Melayu.* Pelita Bahasa 23(06): 8-12.

Ismail Ahmad. 1996. *Penulisan Saintifik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

J.A Fishman. 1972. *Sosiolinguistics, A Brief Introduction.* Rowley. Massachusetts. Newbury House Publishers.

Jeniri Amir. 2007. *Teknik Menulis Ucapan.* Pulau Pinang: PTS Professional Publishing.

Jou Chin. 2008. *Memo Surat Pelajar.* Dicapai daripada https://www.scribd.com/doc/ 87439168/ mdl-4-memo-surat-pelajar [25 April 2017]

Joshua A. Fishman. 1967. *Bilingualism With and Without Diglossia; Diglossia With and Without Bilingualism. Journal of Social Issues.23*(2), 29–38.

Kamaruddin Haji Husin. 1995. *Laras Bahasa.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

*Kamus Dewan.* 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan.* 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan Edisi Keempat.* 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Karangan Jenis Laporan.* Dicapai daripada http://mohdzanafi.blogspot.my/ [25 April 2017].

*Kesantunan Bahasa.* Dicapai daripada http://cikguzanbbm110.blogspot.my/2009/08/kesantunan-bahasa-muka-3.html 25 April 2017].

Ku Hasnan Bin Ku Halim. 2012. *Membugar Harapan Pemersatuan atau Menanti Masa Ditalkinkan atas Nama Bernegara? Dimana Bahasa Melayu dalam Pemupukan Jati Diri Bangsa Setelah 55 Tahun Merdeka.* Dicapai daripada http://eprints.uthm.edu.my/3843/1/ Kertas_Bahasa_Melayu_dan_Jati_Diri_Bangsa_3.pdf [25 April 2017]

Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman. 2013. *Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa.* International Journal of the Malay World and Civilisation. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.

Labov, W. 1966. *The Social Stratification of English in New York City Washington.* D.C.: Cambridge U. Press

Labov, W. 1990. *The intersection of sex and social class in the course of linguistic change. Language Variation and Change* 2: 205-254.

Lange, A. J & Jackubowski, P. 1978. *Responsible Assertive Behavior: Cognitive Behavioral Procedures Training*. Illionis: Research Press.

Langer, Susanne. 1942. *Philosophy in A New Key*. Cambridge: Harvard University Press.

*Laporan Persatuan*. Dicapai daripada http://azu5502.blogspot.my/ [14 Jun 2016].

*Laporan Tahunan 2016 UMP*. Dicapai daripada http://www.ump.edu.my/sites/ [12 April 2017].

*Laporan*. Dicapai daripada http://tatabahasabm.tripod.com/tulisan/klaporan.htm [11 Mac 2017].

Latif, A. A., & Abu Hanifah, A. 2010. *Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar-Pelajar PKGP Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia*. Dicapai daripada http://eprints.utm.my/10799/1/PENGUASAAN_DANPENGGUNAAN_BAHASA_INGGERIS_DALAM_KALANGAN_PELAJAR.pdf [25 April 2017]

Lee, L.F & Raja Masittah Raja Ariffin. 2005. *Petunjuk Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Léonard Y. Anday. 2001. *Aceh's Contribution to Standards of Malayness*. Archipel Année 2001 Volume 61 Numéro 1 pp. 29-68. Dicapai daripada http://www.persee.fr/doc/arch 0044-8613_2001_num_61_1_3612 [25 April 2017]

Md Izuddin Ali & Zetty Zahureen Mohd Yusoff. 2005. *Berucap dengan Yakin*. Pahang: PTS Millennia.

Md. Salleh Yaapar. 2012. *Bahasa Melayu dalam Bidang Pentadbiran dan Pendidikan: Sebuah Refleksi Berasaskan Sejarah dan Puisi*. Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu Setelah 55 Tahun Merdeka', pada 27 dan 28 November 2012, di Universiti Sains Malaysia.

Md. Salleh Yaapar. 2014. *Peri Nama, Identiti dan Asal Usul Melayu: Ke arah Pencerahan yang Dinantikan*. Seminar Asal-Usul Melayu 2014; Dari Perspektif Sains, Sejarah & Arkeologi bertarikh 11-12 Ogos 2014. Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

*Mesyuarat Agung Luar Biasa Pertubuhan Peladang Kebangsaan, National Farmers Organization (NAFAS)"*. Dicapai daripada www.nafas.com.my [26 April 2017].

Mhd Amin Arshad. 2006. *Bahasa Melayu Tinggi*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

*Modul Asas Tatabahasa dan Asas Penulisan Dokumen Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Faisol Keling. 2006. *Pengajian Strategi Sebagai Disiplin Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. .

Mohamad Naqiuddin. 2005. *Laras Undang-Undang*. Dicapai daripada https://www.scribd.com/doc/35925500/Laras-Undang-undang [25 April 2017].

Mokhtar Mohd. Tohar. 1999. *Protokol dan Etiket dalam Pengurusan dan Menghadiri Majlis*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Muhaimin. 2010. *Pengurusan Mesyuarat: Minit Mesyuarat*. Dicapai daripada http://pengurusan mesyuarat-muhaimin.blogspot.my/2010/09/minit-mesyuarat.html [25 April 2017].

Muhammad Zaid Daud. 2016. *Sesak Gurindam Tua*. Wadah Bahasa dan Sastera dalam Utusan Sarawak.

Muhammad Zaid Daud. 2017. *Slanga Kedai Kopi: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis yang tidak diterbitkan. Sarawak: Univeristi Malaysia Sarawak.

Nathesan, S. 1995. *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ng Chee Kin. 2014. *Nexus Xpress PBS Sains Tingkatan 3*. Learning Space Australia.

Nik Safiah Karim. 1985. *Dialek Kelantan - Satu Lambang Sosio-Budaya Wilayahnya*. Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff (pnyt.). *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya,* him. 121-130, Kuala Lumpur: Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Malaya.

Nik Safiah Karim. 1986. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. 1989. *Laras Bahasa Siri Khazanah Bahasa Bil.12* (1st ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Nurin Enterprise.

Nik Safiah Karim. Farid M.Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2014. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Azida Ishak. 2016. *Gen Mutasi Mengurangkan Tidur*. Dewan Siswa, 6 Mei 2016.

Noraziah Mohd Amin. 2016. *Hiburan dan Keseronokan Tidak Salah Dinikmati*. Dewan Siswa, September 2016.

Noresah Baharom. 2005. *Antara Bahasa Malaysia dengan Bahasa Melayu*. Dicapai daripada http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klik2ogos5.pdf. Berita Harian. [15 Ogos 2005].

Noriah Mohamed. 2003. *Beberapa Topik Asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Noriah Mohamed. 2015. *Variasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Faidah Mohamad Arif. 2017. Pulau Pinang Syurga Makanan dan Idaman Percutian Keluarga. Dewan Siswa, 4 April.

Nurzulianan Kamaruzaman. 2016. *Sekolah Tuanku Abdul Rahman Perintis Kecemerlangan Pewaris Bangsa*. Dewan Siswa, 24 November.

*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. *Perangkaan Getah Bulanan Malaysia*. Dicapai daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=73&bul_id=VkJnYXc5WnphYisxWEhIUVlTUnNHdz09&menu_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMFlpaXRRR0xpdz09 [30 April 2017].

*Public Speaking: Dalam Komunikasi Non Verbal*. Dicapai daripada http://rickyanggili.blogspot.my/2013/08/public-speaking-dalam-komunikasi-non.html [25 April 2017].

Puteri Roslina Abdul Wahid. 2005. *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris dalam Peristilahan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahmat Ismail. 2002. *Setiausaha dan Kesetiausahaan: Tugas dan Profesionalisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Raja Intan Dianna Raja Azaham. 2015. *Golongan Antivaksin Ancam Masyarakat*. Kuala Lumpur: Mingguan Malaysia (Kesihatan), p. 25. November 2015.

S. Nathesan. 1995. *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S. Nathesan. 2017. *Antara Gerai, Kios dan Pondok*. Pelita Bahasa, 5 April.

Sajap Maswan. 2012. *Wacana penulisan akademik*. Dicapai daripada http://www.sajadstudio.info/gwp11095/Topik%205.%20penulisa n%20akademik.ppt [25 April 2017].

Samsudin Wahab. 2006. *Panduan Protokol dan Tatatertib Majlis*. Selangor: PTS Professional.

Samsudin Wahab. 2008. *Surat, Minit Mesyuarat, Dokumen Perniagaan dan Laporan*. Selangor: PTS Professional Publishing.

Saodah Abd Rahman. *Sekularisme dan wibawa manusia*. Dicapai daripada http://www.utusan.com.my/rencana/sekularisme-dan-wibawa-manusia-1.260155 Kuala Lumpur: Utusan Online. [15 April 2016].

Sapir, Edward. 1921. *Language*. New York. Harcourt, Brace.

Seri Lanang Jaya Rohani dan Dahlia Janan. 2015. *Keterampilan Berbahasa*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sharifah Darmia Sharif Adam. 2010. *Perjuangan dan Cabaran Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, 1957-1966*. Dicapai daripada http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22926/097_113.PDF [25 April 2017]

Sharifah Nor Syed Abd. Rahman. 2007. *Bahasa Melayu Kertas 1&2*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Shellabear, W. G. 1986. *Sejarah Melayu* (16th ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sinar Harian. 2016. *England layak menang*. Dicapai daripada http://www.sinarharian. com.my/sukan/england-layak-menang-1.502541 *Sinar Harian Online* [28 Mac 2016].

*Sistem Pengurusan Prestasi Perkhidmatan Awam*. Dicapai daripada http://selangor.kehakiman. gov.my [28 April 2017].

Siti Hajar Abdul Aziz. 2009a. *Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Siti Hajar Abdul Aziz. 2009b. *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II* (1st ed.). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. 2005. *Komunikasi Pejabat: Petua Pelayanan Pelanggan serta Panduan Umum Penulisan Memo, Surat, Laporan, Minit, Ucapan dan Iklan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sulaiman, M., Abdullah, Y., & Mohd, R. S. 2007. *Bahasa Melayu: Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

*Sultan Muhammad V Solat Jumaat di Masjid Putra*. Dicapai daripada https://www.bharian.com. my [28 April 2017].

Sumarsono. 2007. *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: Sabda dan Pustaka Pelajar.

Supyan Hussin & Azhar Jaludin. 2006. *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn Bhd.

Teeuw, A. 1959. *Pokok dan Tokoh 1*. Djakarta: P.T Pembangunan.

Teks Ucapan Menteri. Dicapai daripada www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/ 2016/07/ Teks-Ucapan-YB-Menteri-Untuk-Majlis-Penutup-Kejohanan-Sukan-2016.pdf [25 April 2017]

Teks Ucapan Perasmian. Dicapai daripada http://www.kkr.gov.my/Teks Ucapan Perasmian Jejantas Universiti Malaysia Sarawak.pdf [25 April 2017].

Teo Kok Seong. 2015. *Kaum Cina wajib kuasai bahasa Melayu*. Dicapai daripada http://www. bharian.com.my/node/109757 Universiti Putra Malaysia. Berita Harian, 31 Disember 2015.

Wan Hashim. 2012. *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*. Bandar Baru Nilai. Penerbit USIM.

Wan Khuzaimah Wan Mohamad. 2005. *Bahasa Melayu Komunikasi Untuk Kerjaya*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: ACH Communications Sdn. Bhd.

Wolfram, Walter A. 1969. *A Sociolinguistic Description of Detroit Negro Speech*. Washington, D.C.: Center for Applied Linguistics.

Woodworth, E., & Di Pietro, R. (eds.). (1963). *Report of the Thirteenth Annual Round Table Meeting on Linguistics and Language Studies*. (Monograph Series on Languages and Linguistics, 15.) Washington, DC: Georgetown University Press.

Zafarina Zainuddin. 2015. *DNA dan asal usul Melayu*. Dicapai daripada http://www.utusan.com.my/rencana/dna-dan-asal-usul-melayu-1.163353. Utusan Malaysia Online. [25 April 2017]

Zaiton Abdul Rahman. 1989. *Penggunaan Sendi Nama dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaitul Azma Zainon Hamzah 2013. Nilai Ekonomi Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa,* Februari 2013. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Indeks


**A**

Agenda 166, 170
Akta Bahasa Kebangsaan xi, 9, 12, 14, 16
Akta Pelajaran 9, 14
Alat Pandang-Dengar 147
Asertif 23
Audiens 140, 143, 146, 147, 150, 212

**B**

Bahasa Bukan Verbal 25
Bahasa Jawa 89
Bahasa Kebangsaan xi, 9, 10, 12, 13, 14, 16, 17, 225, 233
Bahasa Kreol 101
Bahasa Pijin 100
Borneo 2
Buddha 1
Budi Bahasa 42

**D**

Dewan Bahasa dan Pustaka 9, 10, 47, 214, 225, 226, 227, 228, 230, 231, 232, 233, 235
Dewan Undangan Negeri 12, 38, 138, 152, 156
Dialek geografi 93
Dialek Kelantan 96, 225, 232
Dialek Melayu Johor 94, 95, 97
Dialek Melayu Sarawak xiii, 91, 96, 97
Dialek Sosial 99
Diglosia 103

**E**

Ejaan Transliterasi 198
Eksplisit 22
Ekspresi Muka 27
e-mel xiii, 29, 59, 112, 115, 116, 117, 123, 124
Empati 22
Epistemik 195
Eropah, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau latin di 8
Etiket 42, 151, 232
Etimologi 198
Eufemisme 29, 30

**F**

Filipina 2, 4, 8
Filipina.", dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan 8

**G**

Gaya ilmiah 102
Gaya lisan 83
Gaya tulisan 83
Gimik 154

**H**

Hikayat Hang Tuah 3
Hukum D-M 43, 50, 51

**I**

I Ching 3
Iklan Perniagaan 87
Imbuhan 48, 61, 204, 205
itu, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri 8

**J**

jejak, atau sebagai bahasa Lingua Franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan 8

**K**

Kata hubung 60
Kata Majmuk 43, 51, 52
Kata Pemeri 43, 53, 229
Kata Sendi Nama 43, 44, 45, 46, 47, 48
Kata Tanya 43, 55
Kedukan Bukit 7
Kelas sosial 99
Kelewahan 43, 62
Kepulauan Melayu 1, 2, 4, 5, 8, 10, 15
Kerajaan Chola 3
Kesantunan berbahasa xii, 25, 39, 42
Kesultanan Melayu Melaka 3, 5
Ketepatan bahasa 211
Koheren 211
Kohesi 211
Konsonan 82, 95, 96, 97, 226

**L**

Laporan Akhbar 209, 210, 223
Laporan Kajian 209
Laporan Kemajuan Kerja 209, 220
Laporan Penilaian Projek 209, 210, 215
Laporan Persatuan 209, 210, 221, 231
Laporan Tahunan 209, 210, 222, 231
Laras Bahasa Agama 68, 71
Laras Bahasa Akademik 69, 74
Laras Bahasa Ekonomi 69, 72
Laras Bahasa Iklan 75
Laras Bahasa Sastera 69, 72
Laras Bahasa Sukan 69, 73
Laras Bahasa Teknikal/Sains 68, 70
Laras Bahasa Umum 68, 69
Laras Bahasa Undang-Undang 71
Laras Laporan viii, 86, 207
Laras Minit Mesyuarat 85
Laras Pengucapan Awam 86
laut, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir 8
Lingua Franca 5, 8

**M**

Malayo-Polynesia 4
Maleu-Kolon 3
Melayu, bahasa 8
Memorandum viii, 85, 107, 114, 115, 128, 129
mereka, "Bahasa 8
Mesyuarat Agung 164, 169, 231
Mesyuarat Agung Luar Biasa 164, 231
Mesyuarat Khas 164
Mesyuarat Tergempar 164, 165, 229
Mimik muka 27
Minit mesyuarat 85, 168, 171, 173, 174
Mubazir 192

**O**

Operasional 197
orang, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap 8
Ordinan Pelajaran 12, 14

**P**

Parameswara 6
Parlimen 10, 11, 12, 14, 38, 138, 151, 156, 168, 171
Pengucapan awam xiii, 86, 135
Pentas Sunda 2, 3
Penulisan Ilmiah viii, 185
Penyata Razak 12, 14, 15
Perkara xi, 2, 4, 6, 9, 10, 11, 12, 16, 85, 112, 115, 117, 143, 155, 170, 171, 174, 176
Perlembagaan Persekutuan 6, 9, 10, 11
Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) 2
Pragmatik 25
Protokol 37, 38, 150, 151, 152, 164, 232, 233

**R**

Register 229
Resume viii, 107, 122, 123, 124, 125, 132, 228
Rukun Negara 2

**S**

Sanskrit 1, 3, 42, 199, 203, 204, 205
Sirkumlokusi 29, 32
Sistem sapaan 33, 35
Slanga 105, 232
Sosiolinguistik 24, 226, 228, 232, 234
Sriwijaya 1, 3, 5, 9
Status Sosial 99
Sulalat al-Salatin 3
Surat Rasmi viii, 107, 108, 110, 111, 126, 127, 226

**T**

Tabu 29, 30, 227
Tanah Melayu 1, 3, 4, 6, 10, 12, 191
Tanda Sempang 43, 58
Teori Out of Taiwan 3
Timur, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri 8
Transkripsi 198

**U**

Ucapan Majlis Anugerah 137
Ucapan Makluman 137
Ucapan Nasihat 138
Ucapan Penghargaan 138
Ucapan Perpisahan 137
Ucapan Politik 137
Ucapan Tahniah 138

**V**

Variasi Bahasa vii, 91, 93, 230, 232
Vokal 96, 97